

BAHASA MELAYU, KELEBIHAN DAN KEKURANGANNYA

OLEH: ZA'BA

4- BAHASA MELAYU JADI BAHASA PERSURATAN AM

Dalam bilangan ini tuan Za'ba menerangkan dengan panjang lebar bagaimana bahasa Melayu telah kembang digunakan oleh penduduk kepulauan Melayu dan bagaimana khidmat alim ulama Melayu kepada bahasa Melayu serta dibaikkan pula dengan cara sambil lalu tentang orang Jawi, tanah Jawi dan bahasa Jawi – P.

Tetapi dari zaman dahulupun pengarang-pengarang dari segala bahagian alam Melayu, terutama pengarang-pengarang kitab agama – dari Aceh dan Semenanjung Tanah Melayu di sebelah Barat membawa ke Mandahiling, Minang Kabau, Palembang, Banjar, Bentan (Jawa) hingga sampai ke Pulau Sambawa di sebelah Timur – memang telah memakai bahasa Melayu juga jadi wasitah membahaskan segala tulisan dan karangan mereka. Segala kitab agama yang besar-besar pada bicara tafsir, hadis, usul fiqh, tasawwuf dan sebagainya telah dikarang mereka dalam bahasa Melayu, sungguhpun pada kebanyakan iaitu Bahasa Melayu yang berkacuk dengan gaya karangan Arab dan cara sosok dan susun bahasa Arab segala “ulama Jawi” yang masyhur-masyhur yang banyak mengarang dan menterjemah kitab-kitab agama Islam daripada bahasa Arab - Seperti Shaykh ‘Abdul Ra’uf al-Fanṣūrī, Shaykh ‘Abdul Ṣamad al-Palembangi, Shaykh Muḥammad Nawāwī al-Jāwī al-Bantanī, Shaykh Zīn al-‘Abidīn Bin Muḥammad Faṭānī, Ṭaib bin Mas‘ud al-Banjari, al-Shaykh Dāwud bin ‘Abdullāh al-Faṭānī, al-Shaykh Zayn al-‘Abidīn bin Muḥammad al-Faṭānī, Shaykh Muḥammad bin Isma‘īl Faṭānī, Shaykh Muḥyi al-Dīn Ashī, Shaykh Aḥmad Khaṭīb al-Minakābawī, dan berpuluh-puluh yang lain masing-masing pada tarikhnya yang berkehendak

disiasat lagi ketentuannya – hampir semuanya itu telah mengarang kitab-kitabnya dalam bahasa Melayu, di antara kitab-kitab itu yang besar-besarnya ialah terjemahan tafsir. Al-Bayḍāwī yang dinamakan terjemahan mustafid: Dan kitab-kitab feqah yang bernama Sabīl al-Muḥtadīn Furū‘ al-Masā’il. Muṭla‘ al-Badrīn: Dan kitab-kitab tasawwuf yang bernama Siāatul Sālikīn, Hidāyatul Sālikīn, Sharah Hikam, dan berpuluh-puluh kitab yang kecil-kecil semuanya dikarang dalam bahasa Melayu.

Pendeknya bahasa Melayu itulah bahasa perantaraan diantara segala orang-orang alim daru dahulu hingga sekarang pun selain daripada bahasa Arab yang mereka sekalian ketahui dengan sempurnanya. Dalam perhubungan dan pergaulan mereka sama sendiri masa menahun di Mekah pun lagi mereka telah menggunakan bahasa Melayu juga apabila mereka berjumpa: Demikian pula apabila hendak berfaham-fahaman dengan orang yang baharu datang dari “Jawi” maka demikianlah juga apabila mereka mengarang kitab: Macam manapun Bahasa Melayu itulah yang dipilih mereka jadi wasitah bagi menghidangkan dan mengembangkan kepada kaum mereka “orang Jawi” di alam Melayu ini akan segala alam yang mereka peroleh

Di dalam bahasa Arab: Dan bahasa Melayu itulah yang disebut oleh mereka “Bahasa Jawi” padahal ada beberapa bahasa yang lain lagi di Tanah Jawa dan lain-lain bahagian alam Melayu ini tidak mereka pilih dan sebut “Bahasa Jawi”

Bahkan sebagaimana bahasa yang disebut mereka “Bahasa Jawi” Itu ialah bahasa Melayu, bukan bahasa Jawi, maka begitulah juga yang disebut mereka “tanah Jawi” dan “Orang Jawi” itu bukannya tanah Jawa dan orang Jawa sahaja tetapi meliputi semua sekali jajahan alam Melayu tempat berkembang “bahasa Jawi” itu dan semua sekali bumiputra alam Melayu yang menggunakan atau tahu sebanyak sedikit akan bahasa itu.

Maka sekarang ini pula selain daripada alim ulama, yang masih juga menulis dan mengarang kitab-kitab agama demikian itu dalam bahasa Melayu walau di Malaya atau di Indonesia, adalah pula pengarang-pengarang yang menulis cerita-cerita, hikayat-hikayat dan riwayat-riwayat rekaan dalam bahasa Melayu juga di serata alam Melayu. Yang demikian samalah sebagaimana adanya pada zaman dahulu pengarang-pengarang yang menulis Hikayat Seri Rama, Bustaman Indera Meng'indera, Ganjamara, Hikayat Iskandar Zulkarnain Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Hanifah, Hikayat Shah Kubad, Hikayat Kores Mengindra, Hikayat Mesa Parbu Jaya, Hikayat Shah Mardum, Hikayat Bakhtiar, Hikayat Sang Samba, dan lainnya dalam bahasa Melayu. Pengarang-pengarang cerita dan lainnya diseluruh alam Melayu pada hari Ini dari Tanah Melayu, Samutera, barat dan tengah Tanah Jawa, hingga ke Banjaran Masin, Sambas, Pontianak, Mengkasar, Minahasa dan Bali, asalkan mereka itu orang yang terpelajar dan luas pengalaman dan pemandangan di dunia yang di luar daerah desa mereka. Maka semua mereka menulis karangan-karangan mereka itu dalam bahasa Melayu – iaitu Bahasa yang mereka “telah jadi biasa dan pandai hingga boleh mengarang didalamnya dan mengarang dengan lancar dan baik pula; “Pada hal mereka itu semuanya ada mempunyai bahasa sendiri

masing-masing.

Tatkala belum perang dahulu lembaga pengeluar buku-buku untuk orang ramai yang bernama Volkslectuur atau “Bali Fostak” di Tanah Jawa telah mengeluarkan banyak buku-buku baharu dalam dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Jawa dan Sunda: Tetapi yang diterbitkan dengan bahasa Melayu itulah juga yang lebih laku dan rata tersiarnya keseluruh alam Melayu hingga Semenanjung ini pun.

Demikianlah luasnya kawasan yang bahasa Melayu ini telah dapat menghampirkan dirinya jadi wasitah perantaraan bersama sebagai bahasa melafazkan persuratan di seluruh dunia Melayu.

5. Jenis corak Bahasa Melayu

Bahasa Melayu itu adalah bermacam-macam corak atau rupa yang telah tertimpa kepadanya – Di antara ialah bahasa cakap mulut, bahasa surat, bahasa pasar (atau bahasa cakap kacukkannya) dan “bahasa kitab”. Maka bahasa cakap mulut itu ada bermacam-macam pula mengikut masing-masing negerinya: tetapi bahasa surat itu serupa sahaja walau dimana pun negerinya, kecuali bahasa surat Indonesia adalah berlainan sedikit. Adapun bahasa pasar itu bukan bahasa Melayu yang betul dan penuh, hanya Melayu sekerat atau Melayu kacukkan. Demikian pula “Bahasa Kitab”: kerana Keduanya bahasa pasar dan bahasa kitab itu perkataan sahaja Melayu tetapi sosok dan jalan bahasanya dagang. Maka tiap-tiap satu daripada keduanya itu pun ada juga berlain-lain masing-masing. Mengikut apa bahasa dagang yang mempengaruhinya. Biar kita ambil satu-satu itu dengan ringkas:

“Bahasa cakap mulut “itu disebut juga bahasa pertuturan, iaitu (sebagaimana dalam lain-lain bahasa) ialah rupa bahasa yang terpakai dalam percakapan biasa di antara orang Melayu sama sendiri. Sifat-sifatnya yang khas iaitu perkataan banyak terpotong-potong kerana cepat menyebutnya, dan percakapan itu memakai pertuturan “lasak” (*slang*) serta dengan gaya-gaya suara yang tertentu bagi melafazkan

(sambungan pada muka 23)

(sambungan daripada muka 18)

Rasa dan maksud yang sepenuhnya, acuan cakap mulut ini harus keadaannya atas rupa perhiasan yang digelar “perbahasan Riau-Johor” iaitulah rupa perbahasan Melayu yang biasa ditarafkan jadi “bahasa jangka” yakni bahasa ukuran yang sebetul kepada lain-lain rupa kepelatannya yang tergantung kepada berlain-lain tempat dan negeri, seperti cakap Kelantan, cakap Kedah, cakap Perak, cakap Negeri Sembilan, cakap Minangkabau, cakap Kampar, cakap Jambi, cakap Rawa, cakap Serawak, cakap Indonesia dan lainnya.

“Bahasa surat” itu pula ialah rupanya yang terpakai dalam segala karangan yang bersurat cara Melayu betul. Iaitu sebagaimana pada lain-lain bahasa juga adalah berlainan sedikit daripada bahasa pertuturan tadi pada beberapa perkara yang tertentu-pada kemasnya dan penohon dan gilapnya. Maka “bahasa surat” Melayu yang dihitung elok pada hari ini adalah besar layanan daripada yang dihitung elok pada zaman dahulu oleh kerana berlainan tabiat isinya Bahasa surat Melayu sekarang dipengaruhi oleh kewajipan terpaksa memperkatakan maksud-maksudnya yang lebih kusut dan lebih susah pada zaman ini daripada yang ada pada zaman dahulu.

“Bahasa pasar” itu ialah bahasa cakap mulut sahaja tetapi jenis kacukannya, iaitu rupanya yang terpakai dalam negeri-negeri Melayu oleh orang-orang yang bukan Melayu apabila bercakap dengan orang Melayu dan juga di antara Satu bangsa dengan lain bangsa yang berlainan bahasanya. Bahasa pasar ini perkataan ialah perkataan Melayu juga tetapi tiada cukup, hanya diketahui dan dipakainya sekadar yang tidak boleh tidak bagi segala perhubungan yang senang-senang dalam perkara berjual beli dan dalam pergaulan yang cetek apabila bercakap sekali-kali. Jika dibilang perkataan yang terpakai di dalamnya barangkali akan didapati tidak lebih daripada lima ratus patah perkataan Melayu sehabis banyaknya, iaitu

diambil nama yang terpaksa dikehendaki sahaja, umpamanya jika bahasa Melayu yang sebenar ada lima enam patah perkataan bagi memperkatakan suatu fikiran yang berbeza-beza sedikit maknanya seperti patung, kerat, penggal, pancung, tetak, jinjing hirisan, racik, siang, sembelih, rafak, rincung, terbang, tebas, takik, gantis dan sebagainya, maka dalam bahasa pasar itu hanya diketahui “potong” sepatah sahaja, demikian pula “pukul”. Angkat tidaklah bahasa pasar itu tahu “ketuk”, sekal, godam, tumbuk, tinju tepuk, tampar, tempeleng, lapuk, susah, beduk, bedal belasah, rembat,; “atau “pikul, kandar, junjung jinjing, kapit, kelek, dukung, galas, tatang tating, angkit, angkut,” dan sebagainya pula.

Sebaliknya pula dalam bahasa pasar ada terpakai beberapa perkataan yang tiada, terpakai dalam, bahasa Melayu yang betul, seperti “kasi”, “bikin”, “menggantikan”, “beri, buat” dan perkataan “banyak” dipakai menggantikan “terlampau, terlalu, sangat, bukan main”. Demikian lagi acuan bahasa pasar sentiasa menggunakan ikatan yang memakai perkataan “punya” bagi memperkatakan maksud “sandaran pun” pada nama seperti “dia pun” rumah, saya punya abang punya bini, bagi memperkatakan “rumahnya, bini abang saya”. Bahkan terkadang ada dikata “jahat punya orang, pandai punya budak, wah punya sedap! Entah apa punya sial!” Bagi memperkatakan “orang yang jahat, budak yang pandai, wah sedapnya! Entah apa sialnya!” dan sebagainya. Maka apa lagilah tentang bunyi sebutannya. Tidaklah mengikut lidah Melayu melainkan mengikut lidah masing-masing bangsa yang bercakap akan dia itulah.

Pendeknya bahasa pasar itu dipengaruhi pada beberapa banyak perkara - istimewa tentang jalan bahasanya dan nahunya dan ikatan ayatnya – oleh bahasa bangsa orang yang bercakap akandia itu: Cina, Keling, Banggali, Arab, orang putih atau lain-lain. Pada kebanyakan halnya hanyalah perkataan sahaja Melayu tetapi bentuk dan bangun ayatnya bukan Melayu.

Maka sebagaimana bahasa pasar itu tidak tahu atau tidak menggunakan cukup perkataan begitulah juga ia tiada tahu dan tiada menggunakan cukup kaedah nahu Melayu tentang penambah me,ber, ter, pe, per, ke ke, di, sa, kan, ia, an, lah, kah, tah, pergandaan dan sebagainya. Orang Melayu sendiri apabila bercakap Melayu dengan orang-orang yang bukan Melayu itu biasa turun kepada tingkat bahasa pasar ini dan dipakai mereka acuan itu mengikut gaya apa bangsa orang yang dilawan bercakap itu, supaya memudahkan orang itu mengerti, seperti orang tua mengejeknya cakap kepada budak kecil yang baharu mula belajar bercakap. Jadinya orang dagang itu barang kali terfikir memang begitulah bahasa Melayu yang betul!

Adapun “bahasa Kitab” itu pula yang sebenarnya ialah bahasa surat juga tetapi bahasa surat kacukan, iaitu dipenuhi terus menerus oleh gaya karangan dagang, resaman bahasa dagang dan cara ikatan ayat dagang; hanya perkataannya sahaja yang Melayu, itupun kerap kali banyak tercampur dengan perkataan dagang yang belum dikenal oleh orang Melayu. Maka sebabnya digelar “bahasa kitab” itu kerana dari mula-mula dahulunya bahasa Melayu yang demikian hanya terdapat dalam karangan kitab-kitab agama sahaja, dan perkataan “kitab” itu pada faham orang Melayu yang kebanyakan hanyalah kitab-kitab agama. Orang yang menulis karangan demikian ialah orang-orang alim yang pandai Arab sahaja dan murid-murid mereka, disebabkan oleh mereka itu terpengaruh oleh gaya dan cara resaman bahasa Arab yang banyak mereka baca dan pelajari.

Hal yang demikian bukanlah sahaja telah terjadi pada zaman dahulu tetapi masih terjadi juga sampai sekarang pun apabila orang-orang alim dan murid-murid mereka itu menulis karangan atau menterjemah dalam bahasa Melayu. Tetapi sekarang ini bukanlah karangan dalam kitab-kitab agama oleh pengarang yang pandai-pandai Arab sahaja yang berupa kacukannya demikian itu, melainkan karangan orang-orang yang pandai Inggeris atau

Belanda atau lainnya pun begitu juga: sekadarkan bezanya hanya yang kemudian ini mengikut sosok dan cara resaman bahasa Inggeris atau Belanda atau lainnya pula. Sebab itu bolehlah dijeniskan sekaliannya itu “Bahasa Kitab” juga supaya memudahkan, jangan terlampau banyak pecahannya.

Maka seperti yang telah disebutkan tadi kadang-kadang bukanlah hanya tentang sosok ayat dan jalan bahasa dan gaya karangannya sahaja yang dagang tetapi tentang perkataannya pun kerap dipenuhi hingga “bercampur daun” oleh kalimah-kalimah dagang yang belum hadam dan belum sehati kedalam bahasa Melayu. Maka yang demikian ini terutama sekali. Didapati dalam kitab-kitab agama bahasa Melayu, dari dahulu sampai sekarang – iaitu kitab-kitab yang telah dipindahkan dari bahasa Arab atau yang dikarang oleh pengarang – pengarang Melayu yang pandai Arab tetapi tiada kaedah ilmu mengarang dan ilmu menterjemah dari satu bahasa kesatu bahasa yang lain. Pada hari ini bahasa surat kacukannya ini sangatlah biasa juga kita terjumpa dalam karangan penulis-penulis yang pandai dalam bahasa dagang yang lain daripada Arab, seperti Inggeris atau Belanda, tetapi kurang pandai dalam bahasa Melayu.

Jadinya nyatalah apa yang berlaku pada bahasa Melayu hari ini berkenaan dengan pengaruh bahasa dagang dan pengaruh sosok dagang di atasnya maka iaitu telah berlaku juga pada zaman dahulu. Tetapi dengan segala himpitan pengaruh dagang demikian itu bahasa Melayu masih tetap hidup juga dengan segeranya, dan terpakai diseluruh alam Melayu, tidak dapat hapus atau binasa oleh sekalian serangan yang telah membahayakan itu! Ia masih kenal akan dirinya dan tahu akan kekuatan dan kelebihan dirinya, tidak mahu dan tidak boleh ditelan oleh pengaruh bahasa-bahasa lain itu. Bahkan, sebaliknya ia juga yang akan menelan segala alatan penyerang yang didatangkan oleh mereka itu. Dihadam dan dihancurkan segala zat yang diberi oleh mereka itu mana yang boleh dihadamkan lalu dijadikannya sebahagian daripada

tubuhnya dan daging darahnya . Adapun mana-mana bahagian yang tiada boleh dihadapkannya maka akan diluahkan diloyak dan dimuntahkannya keluar atau diceritakannya jadi sebagai najis dan hampas yang tiada berguna!

Maka sebabnya yang menjadikan Bahasa Melayu kekal itu, yang pertama dan terutama sekali ialah oleh sebab ia sentiasa boleh bertolak ansur, mahu disorong tarik, pandai berdiplomasi dan sedia mahu menerima apa-apa yang yang baik. Jadi dengan sifat-sifat itu teguhlah nyawa dan semangatnya sendiri – “ tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan”.

Kedua, sebab di antara pengarang-pengarang Melayu dan orang yang ahli dalam bahasa Melayu sentiasa ada mereka yang sedar dan kenal dan tahu membezakan mana baik bagi bahasa Melayu dan mana yang tidak, mana yang elok ditiru mana yang tiada elok, mana yang membaiki darjat kehidupan bahasa Melayu jati pembawaannya mana yang bukannya. Semangat bahasa Melayu sendiri serta orang-orangnya yang demikian itu selalu tahu menerima segala yang baik-baik di dalam acuan yang kacukannya itu, dan menolak segala yang tiada dibaikinya. Sekiranya tidaklah ada semangat dirinya dan pengenalan ahli-ahlinya yang sedar demikian itu tentulah bahasa Melayu telah lama tenggelam dipengaruhi oleh bahasa-bahasa lain yang lebih tinggi yang telah bersentuhan dengan dia itu; kerana kerosakkan yang terjadi daripada pengaruh resaman bahasa dagang dan susuk bahasa dagang terbit daripada pepadanan yang buruk dan terjemah yang buruk itu tentulah berhasil membinasakan kesenderian bahasa Melayu.

Tetapi tidak! Bahasa Melayu tidak kalah dan tidak tenggelam! Apabila dilihat daripada apa yang telah jadi pada masa dahulu dan lama pada itu bahasa Melayu kekal juga hidup sendirinya dan semangatnya masih tetap mengenal yang baik daripada yang tiada baik bagi keselamatan dirinya, maka tiada syak lagi bolehlah kita merasa yakin bahawa begitu jugalah yang akan jadi kepadanya pada masa akan datang terhadap pengaruh-pengaruh dagang yang mengacu dan mengganggu dia pada masa ini.

Segala kacukkan yang terjadi pada “Bahasa Kitab” itu hanya disebabkan oleh terjemah yang buruk daripada penulis-penulis yang menterjemah ikut sepatah-sepatah. Atau oleh sebab mereka mengarang dengan meniru buta tuli akan kaedah bahasa dagang dan jalan bahasa dagang. Tetapi hal itu tiada syak hanyalah suatu kejadian sementara sahaja. Maka apabila pelajaran dalam bahasa Melayu telah bertambah maju kelak nescaya penulis-penulis dan pengarang-pengarang Melayu akan beransur dan bertambah sedar kepada kesalahan dan kebodohan itu, dan hasilnya mereka akan kembali kepada pengenalan yang sihat dan kepada kaedah susuk bahasa mereka sendiri yang sejati dan asli. Mereka akan kembali dengan mendapat dan membawa daripada segala kekacukkan yang kita lihat sekarang keuntungan yang berganda-ganda kepada bahasa Melayu pada bilangan perkataan baharunya pada kumpulan rangkai-rangkai katanya, dan pada cara-cara pembahasannya bagi memperkatakan maksud dan fikiran.

Orang-orang yang kasih akan bahasa Melayu tidaklah patut merasa rungsing melihat perubahan yang dibawa oleh himpitan pengaruh bahasa-bahasa dagang di atas bahasa Melayu hingga mengkacukkan rupa karangan sekarang ini. Sekalian itu hanyalah jalan bagi menjagakan semangat bahasa Melayu yang sedia dan memberi sumbangan bagi yang baharu kepadanya. Ia akan menghadamkan segala anasir-anasir baharu itu mana yang layak bagi kesuburan dirinya. Dan akan membiarkan segala yang tiada layaknya tertinggal di tempatnya itu juga sebagai barang tiada laku. Maka dengan jalan demikian bahasa Melayu sentiasa akan bertambah besar dan subur, segera dan tegap, luas dan maju. Dengan sebab telah berdamping dan berkenal-kenalan dengan pengaruh bahasa-bahasa dagang ini, Pendeknya sebagaimana yang telah terjadi kepada bahasa Melayu dalam masa yang telah lalu begitulah akan terjadi kepadanya dalam masa yang akan datang. Ia tidak boleh kalau atau hilang: bahkan barangkali boleh bersalin rupa tetapi bahasa Melayu juga. Yang demikian itu telah terjadi kepada bahasa Inggeris dalam masa seribu tahun yang lalu ini sahaja.